

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN (BATU)**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimana Kementerian ingin memastikan pengangkutan awam seperti Bas Rapid KL memberi perkhidmatan mengikut jadual yang ditetapkan memandangkan perkhidmatan Bas Rapid KL selalu tiba lewat dan kelewatan tersebut berpunca daripada beberapa faktor lain selain kesesakan lalu lintas. Adakah Kementerian melihat bahawa permasalahan ini bukan sahaja menyusahkan pengguna malahan ianya membawa kepada kerugian kepada syarikat dan adakah Kementerian juga melihat bahawa perkara ini berlaku oleh kerana sistem monopoli yang berlaku di kawasan-kawasan tertentu terutamanya di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan pengangkutan awam seperti perkhidmatan Bas Rapid KL adalah amat terdedah kepada elemen-elemen luar kawalan terutamanya faktor kesesakan lalulintas yang teruk di dalam kawasan Lembah Kelang ini. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan menyedari bahawa satu perkhidmatan pengangkutan awam yang berkesan tidak dapat disediakan selagi mana faktor-faktor luar kawalan ini tidak ditangani secara menyeluruh, bersepadu dan secara efisien.

2. Oleh yang demikian, Kementerian Pengangkutan akan mengadakan perbincangan dengan terperinci dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Kementerian Kerja Raya bagi mengenalpasti kaedah-kaedah bersesuaian bagi menangani isu ini. Antara kaedah yang dikenalpasti adalah dengan menyediakan laluan-laluan khas untuk bas (di mana bersesuaian) serta memberi keutamaan kepada bas di persimpangan-persimpangan lampu lalulintas (*traffic lights*). Kaedah-kaedah akan berupaya memastikan perkhidmatan bas dapat mempunyai keutamaan dan laluan khas dan tidak terganggu dengan kesesakan lalulintas.

3. Selain itu, aplikasi mudah alih perancang perjalanan akan juga diwujudkan untuk memudahkan pengguna mengetahui ketibaan sebenar bas. Penggunaan teknologi ini akan membolehkan pengguna mengetahui maklumat pergerakan, ketibaan dan pelepasan bas seterusnya memudahkan pengguna untuk merancang perjalanan mereka. Prasarana juga akan memastikan pengambilan pemandu dijalankan dengan lebih kerap bagi mengatasi masalah kekurangan pemandu yang mengakibatkan kekurangan perkhidmatan operasi bas.

4. Semua tindakan yang telah dan akan diambil ini akan berupaya menjadikan perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan bas menjadi lebih baik, mesra pelanggan serta memenuhi keperluan semua lapisan pengguna.

5. Mengenai persoalan sama ada isu tahap perkhidmatan ini berkaitan dengan isu monopoli, ingin saya tekankan di sini bahawa isu kelewatan atau tahap perkhidmatan ini disumbang oleh faktor-faktor luaran seperti kesesakan lalu lintas, pelan perancangan pembangunan guna tanah yang tidak mengambil kira keperluan pengangkutan di dalamnya serta isu perkhidmatan seperti kekurangan pemandu dan berkaitannya.

6. Perlu juga diambil kira bahawa penyediaan perkhidmatan bas memerlukan satu pelaburan awal dan kos pengoperasian yang amat tinggi. Berdasarkan kepada kos pelaburan dan pengoperasian yang tinggi ini, maka pengusaha-pengusaha bas memerlukan jumlah penumpang yang tinggi dan laluan-laluan yang bersesuaian semata-mata untuk *break even* dan terus berupaya untuk beroperasi. Oleh yang demikian, Kerajaan terpaksa mengawal jumlah penyedia perkhidmatan di dalam satu-satu kawasan bagi memastikan tahap kelestarian penyedia perkhidmatan itu sendiri. Jika terlalu banyak penyedia perkhidmatan yang beroperasi dalam satu laluan, ianya akan menyumbang kepada berlakunya persaingan yang tidak sihat, seperti perkhidmatan bas tidak mengikut laluan, perkhidmatan tidak mengikut jadual yang ditetapkan, pengusaha berebut mendapatkan penumpang, hanya memilih beroperasi pada waktu mempunyai penumpang serta menunggu bas hingga penuh sebelum memulakan perjalanan (seperti mana yang pernah kita alami dalam tahun 80an dan 90an dahulu).

7. Walau bagaimanapun, adalah kurang tepat untuk mengatakan wujud keadaan monopoli untuk perkhidmatan bas di Lembah Klang kerana terdapat beberapa syarikat perkhidmatan bas lagi selain Bas Rapid KL di bawah Prasarana Malaysia. Kerajaan akan mengkaji dan melaksanakan model kontrak perkhidmatan bas (*bus contracting model*) yang lebih cekap dan menggalakan persaingan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.